



AKTIVITI PEMULIHARAAN DAN PEMAKMURAN MASJID DAN SURAU LAMA DI KUALA TERENGGANU

Nuryaqazah Binti Mohammad Dom, Hanis Etasa Binti Rosli, Nur Haziqah Binti Wan Ahmad & Wan Nor Suhaida Binti Wan Mamat

Faculty of Islamic Contemporary Studies, University Sultan Zainal Abidin, Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat persepsi masyarakat terhadap aktiviti pemuliharaan dan pemakmuran masjid dan surau lama di Kuala Terengganu. Sehubungan dengan itu aktiviti merupakan elemen utama dalam kajian ini yang bertujuan untuk pemakmuran surau dan masjid lama, dengan mengadakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan dapat mencapai objektif sesuatu perkara itu dijalankan. Maka dengan ini Aktiviti pemakmuran masjid dan surau lama ini adalah penting untuk menarik minat masyarakat supaya lebih mengenali dengan lebih dekat masjid dan surau lama, di samping tempat untuk beribadah masjid dan surau juga menjadi jambatan yang dapat memperkukuhkan ukhuwah dan kesatuan dalam kalangan masyarakat apabila terdapatnya aktiviti-aktiviti yang boleh disertai oleh masyarakat Bagi mengembalikan dan memakmurkan masjid dan surau lama di Kuala Terengganu, pelbagai aktiviti dan program yang boleh dijalankan untuk terus menarik minat serta kunjungan masyarakat untuk terus memakmurkan dan mengimarahkan surau dan masjid lama. Selain itu juga, menjadi peranan masyarakat setempat untuk terus menjaga dan membaik pulih serta memelihara identiti dan sejarah kewujudan masjid dan surau tersebut agar tidak ditelan zaman walaupun terdapat banyak masjid yang baru didirikan. Hal ini bertujuan untuk menjadikan surau dan masjid lama lebih menjadi tumpuan masyarakat baik dari segi ibadah mahupun aktiviti kemasyarakatan agar institusi masjid dan surau lama terus terpelihara.

Kata kunci: Aktiviti, Pemuliharaan, Pemakmuran, Masjid dan Surau, Masyarakat

PENGENALAN

Masjid dikenali sebagai satu tempat yang digunakan oleh manusia yang beragama islam, masjid bukan sahaja sebagai tempat ibadah tetapi masjid juga menjadi fungsi yang lain bagi memastikan masjid sentiasa bergerak untuk memudahkan masyarakat setempat yang menjadikan masjid sebagai tempat pernyebaran perkongsian ilmu pengetahuan, pusat pembangunan dan khidmat terhadap komuniti sekitarnya. Fenomena ini, dapat dilihat pertumbuhan masjid yang banyak disebabkan oleh pesatnya pembukaan kawasan taman perumahan yang baru. Sekiranya taman perumahan yang baru dihuni oleh majoriti komuniti Islam, maka akan wujud satu masjid di kawasan tersebut. Sejauh mana makmur atau sepi keadaan masjid itu bergantung pada pengurusan masjid tersebut dalam

merangka program untuk mengimarhkannya. Mewujudkan masjid dan memakmurkan masjid adalah bergantung kepada komuniti dan ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam pengurusan masjid. Peranan masjid dapat diperluaskan dengan mengadakan program program keagamaan seperti kelas mengaji, kelas Bahasa Arab, aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya. Dengan cara ini, akan berlaku proses pengimarahannya masjid dan dapat juga mengoptimalkan fasiliti yang terdapat di masjid.

Tambahan lagi, masjid merupakan institusi terpenting dalam membangunkan modal insan. Masjid juga menjadi jambatan yang dapat memperkukuhkan ukhuwah, kesefahaman, kesatuan, keharmonian, keadilan, keilmuan dan syiar kepada umat Islam. Oleh hal yang demikian, masjid yang lama terbiar haruslah dilihat dengan mata hati kerana dengan sesebuah masjid itu dapat memperkukuhkan ukhwah sesama kaum muslimin. Masjid adalah binaan yang digunakan untuk bersolat Jemaah, beriktikaf dan ibadat tertentu serta mempunyai kehormatan yang tertentu.

Masjid yang baru dibina merupakan satu saingan kepada masjid-masjid yang lama dalam aspek kehadiran kaum muslimin yang lebih memilih untuk hadir dan mengikuti aktiviti dakwah yang dilakukan di masjid yang baru kerana masjid yang baru lebih berkembang dari sudut fasilitinya. Hal ini sedikit sebanyak membuatkan masjid – masjid dan surau-surau lama tidak dikunjungi oleh masyarakat setempat.

Kebiasaanya masjid – masjid dan surau- surau lama ini dibina di Kawasan – Kawasan terpencil seperti kampung- kampung. oleh disebabkan kepesatan masyarakat setempat, terdapat pelbagai masjid – masjid baru yang dibina dengan konsep yang moden dan fasilitatnya diberi perhatian. Hal ini menyebabkan sedikit sebanyak masjid dan surau lama dibiarkan

Kesemua masjid yang dibina mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk sebuah pusat ibadat yang khusus kepada manusia yang bergelar islam. Selain itu, masjid juga merupakan satu tempat penyebaran ilmu dan satu tempat khusus untuk menjalinkan hubungan dan berukhwah dengan masyarakat setempat. Penyebaran ilmu dan berukhwah itu dituntut dalam islam. Masjid ini merupakan satu medium yang utama untuk mengekalkan tuntutan daripada Allah.

Kepesatan masjid- masjid yang baru dibina di kawan sekitar menjadikan masjid- masjid dan surau- surau lama dibiarkan. Oleh hal yang demikian, pengurusan masjid juga tidak bergerak aktif disebabkan kehadiran masyarakat setempat yang tidak memuaskan. Kajian ini akan merungkai apakah aktiviti yang dilakukan di setiap masjid yang terpilih bagi memakmurkan masjid dan surau itu sendiri.

Penyelidikan ini bertujuan untuk mencapai beberapa objektif yang telah ditetapkan sekaligus membantu menjawab kepada persoalan penyelidikan yang telah dijalankan. Objektif yang dikenal pasti perlu dicapai dalam penyelidikan ini adalah :

- 1) Untuk mengenalpasti apakah aktiviti yang dilakukan bagi memakmurkan masjid dan surau lama supaya masyarakat dapat mengimarahkan masjid dengan lebih baik.

Dari segi kepentingannya, penyelidikan ini dilihat mampu untuk menyumbang ke arah mencapai beberapa komponen yang diperlukan dalam pemuliharaan masjid lama dan surau lama di Kuala Terengganu, mekanisme dan matlamatnya menurut syarak. Penyelidikan ini dapat melengkapkan garis panduan bagi kerja-kerja pemuliharaan masjid lama dan surau lama di Kuala Terengganu.

Di samping itu, penyediaan contoh penyelidikan ini dapat dimanfaatkan pada setiap peringkat pemuliharaan masjid dan surau lama. Hasil dari kajian ini juga diharapkan dapat membantu dalam menarik minat masyarakat untuk datang mengimarahkan masjid lama dan surau lama setanding dengan masjid-masjid baru dibina.

KAJIAN LITERATUR

Dalam kajian Mohd Ismail Mustari bertajuk *Menginovasi Masjid Kesejahteraan Ummah* antara hasil kajian beliau masjid merupakan institusi terpenting dalam membangunkan modal insan. Masjid juga menjadi jambatan yang dapat memperkukuhkan ukhuwah, kesefahaman, kesatuan, keharmonian, keadilan, keilmuan dan syiar kepada umat islam. Jadi masyarakat setempat seharusnya memainkan peranan penting terhadap bagaimana untuk mengimarahkan masjid-masjid dan surau-suru yang terbiar.

Dalam kajian Ahmad Zaki Haji Abd. Latif yang bertajuk *Pentadbiran Masjid Secara Profesional*,¹⁸ antara hasil kajian beliau mendapati :

1. Masjid harus ditadbir urus berasaskan keimanan dan ketakwaan.
2. Pengurus dan AJK masjid hendaklah memiliki keperibadian yang tinggi termasuk aspek ilmu pengetahuan.
3. Peranan masjid sebagai tempat untuk membangun modal insan dalam pelbagai aspek.

Dalam kajian Dr. Sa'id bin Wahf Al-Qahtani bertajuk *Masjid Kemuliaan, Fadilat dan Adab-adabnya* peranan masyarakat dalam mengimarahkan masjid dengan pelbagai jenis aktiviti dan program dakwah yang dijalankan bagi mengeratkan silaturrahim antara masyarakat setempat, disamping mengeratkan hubungan antara pihak pengurusan masjid dengan masyarakat. Selain itu juga, dari segi aspek kemudahan infrastruktur masjid juga banyak mempengaruhi kecenderungan Jemaah menghadiri diri ke masjid.

METODE KAJIAN


Metode kajian lapangan mempunyai berbagai cara bagi mendapatkan maklumat. Metode kajian lapangan juga adalah sebahagian daripada kaedah untuk mendapatkan data dan maklumat. Menurut Ghazāl Dārussalām dalam sesuatu kajian lapangan lazimnya mengandungi metode temu bual, metode pemerhatian dan metode soal selidik. Dalam sesuatu kajian lapangan, kaedah mengumpul maklumat dapat dibuat melalui soal selidik yang selanjutnya dianalisis melalui kaedah kuantitatif. Manakala kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian akan dianalisis

Kajian ini menggunakan metode kajian lapangan dan kajian perpustakaan. Kajian temubual dan pemerhatian digunakan sebagai instrumen kajian utama bagi melihat apakah aktiviti dan matlamat yang patut digunakan oleh setiap pengurusan masjid. Responden ini melibatkan tiga buah institusi masjid dan dua buah surau di Kuala Terengganu yang terdiri daripada iman, bilal dan ahli jawatankuasa masjid di Kuala Terengganu iaitu masjid pulau Bahagia, masjid kesom, masjid paloh, dan surau binjai manis, surau pujuk. Kajian perpustakaan pula digunakan bagi melihat asas – asas pembinaan masjid dan surau dan juga hokum hakam dalam masjid.

DAPATAN KAJIAN

Dalam dapatan kajian yang dijalankan, bahagian ini membincangkan Analisa data dan memaparkan hasil penemuan kajian yang telah dijalankan.

Rajah 1: aktiviti yang digunakan oleh setiap masjid untuk memakmurkan masjid dan surau lama



Terdapat enam mekanisme yang digunakan oleh masjid dan surau lama yang terdiri daripada imam dan bilal masjid itu sendiri. Kenam – enam mekanisme ini digunakan oleh masjid dan surau lama di negeri Terengganu bagi memakmurkan masjid dan surau itu sendiri.

a) Keperbagai aktiviti dakwah

Menurut Syariah Islam, melaksanakan aktiviti keagamaan di masjid-masjid dengan secara bermasyarakat adalah lebih disukai oleh Allah daripada melaksanakan secara individu. Masjid bagaimanapun bukan sahaja berfungsi sebagai tempat untuk melaksanakan

upacara keagamaan tetapi juga sebagai tempat untuk menerima pendidikan agama. (Mohamad Rasdi, 1998).

Kepelbagaian aktiviti dakwah yang berteraskan nilai positif dalam kalangan masyarakat seharusnya diambil perhatian dalam usaha mengimarahkan masjid. Menurut kajian yang dijalankan Roslan Mohamed (2003), beliau berpendapat masjid perlu menggerakkan dengan sebanyak mungkin aktiviti-aktiviti terbuka yang bercirikan pemupukan nilai positif sosial di kalangan anggota masyarakat Islam dan termasuk juga masyarakat bukan Islam. Fungsi masjid yang sememangnya dikenali sebagai kegiatan dakwah ini perlu dihidupkan sepenuhnya melalui program yang membina untuk masyarakat seperti kursus amali solat, kemahiran ibadat dan sebagainya. aktiviti – aktiviti sebegini dilakukan di kesemua masjid yang dikaji. Kesemua masjid dan surau lama yang dikaji menggunakan mekanisme ini sebagai salah satu cara untuk membuatkan masyarakat datang ke masjid.

b) Pusat penyebaran ilmu

Institusi masjid haruslah dijadikan tempat percambahan ilmu dan pusat pengukuhan iman dan takwa serta pusat pengukuhan jiwa dan rohani, dengan adanya aktiviti-aktiviti menerusi penganjuran program-program seperti ceramah agama, pembelajaran al-Quran, dialoq seminar dan sebagainya.

Matlamat penganjuran dan pelaksanaan program sedemikian bagi memberi kefahaman dan pendedahan berkaitan ilmu-ilmu agama terhadap masyarakat. Selai itu juga, berpeluang untuk membawa masyarakat untuk berkumpul di masjid, dalam masa yang sama dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama anggota masyarakat di samping mengajak mereka untuk sama-sama mengimarahkannya.

c) Aktiviti Kemasyarakatan

Aktiviti gotong royong merupakan aktiviti yang sangat berkesan untuk masyarakat setempat dalam menjalinkan hubungan dan merapatkan uhkwhah. uhkwhah yang rapat sesama kaum muslimin perlukan diberi perhatian kerana jika dibiarkan, akan wujud jurang besar yang membuatkan berlakunya kesalahfahaman dan pergaduhan.

Antara aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan ialah aktiviti membersihkan kawasan masjid dan surau, program qurban, program berbuka puasa. mekanisme seperti ini sedikit sebanyak membantu untuk menutupi jurang jurang yang berlaku di dalam diri masyarakat setempat. Kesemua masjid dan surau lama yang dikaji mengadakan aktiviti kemasyarakatan ini..hal ini selaras dengan matlamat yang mana mementingkan ukhwh sesama islam. Aktiviti kemasyarakatan ini sering dilakukan di masjid yang dikaji

d) Kemudahan fasiliti

Menurut sejarah tamadun Islam, sesebuah masjid perlu dilengkapi dengan kemudahan lain seperti penginapan (funduq), tandas (hammam), hospital (mushtashfa), kubur (maqribah), halaman (maydan) dan termasuklah taman halaman dalam memastikan sesebuah masjid dapat diimarahkan sepenuhnya. Perkara ini dibuktikan ketika Nabi Muhammad S.A.W. membenarkan aktiviti berupa sosial, politik dan keagamaan dilakukan di masjid kerana fungsi masjid yang merupakan tempat di mana umat Islam berkumpul selain daripada rumah ibadat semata-mata.

Kemudahan fasiliti ini merupakan aspek yang penting dalam setiap pengurusan masjid dan surau. Hal ini kerana, bagi menarik minat kaum muslim yang beragama islam untuk turut serta dalam melakukan aktiviti mahupun beribadat kepada Allah.

Kemudahan fasiliti yang dimaksudkan ialah tandas yang selesa, tempat solat yang selesa dan sesuatu tarikan yang membuatkan masyarakat setempat dapat mengimarahkan masjid. Kesemua masjid yang dikaji memberi perhatian terhadap kemudahan fasiliti.

e) Pusat dana dan ekonomi

Kedudukan masjid juga haruslah terletak di dalam satu kawasan yang luas, di mana di sekelilingnya hendaklah dipenuhi dengan aktiviti ekonomi dan sosial. Pusat jualan adalah aktiviti ekonomi yang digalakkan dalam islam bagi menaik taraf kehidupan masyarakat.

Masjid juga dikenali sebagai pusat dana kerana masjid menyediakan bantuan dari segi makanan dan kewangan kerana golongan yang kurang berkemampuan. Dengan ini sedikit sebanyak dapat meringan beban golongan sedemikian. Aktiviti sedemikian yang diterapkan di masjid Kesom dan masjid Paloh.

f) Pusat Pelancongan

Kedudukan sesebuah masjid atau surau yang berdekatan dengan pusat pelancongan, akam memberi kemudahan kepada para pelancong untuk menunaikan kewajipan ibadat, dalam masa yang sama dapat mengimarahkan lagi masjid atau surau. Melalui kajian ini, kami mendapati masjid paloh menjadi tumpuan masyarakat kerana kedudukannya terletak berhampiran dengan Muzium Terengganu.

Jadual 1 : senarai masjid dan ringkasan aktiviti yang digunakan

	Surau Binjai Manis	Surau Pujuk	Masjid Pulau Bahagia	Masjid Kesom	Masjid Paloh
Kepelbagain Aktiviti Dakwah	✓	✓	✓	✓	✓
Pusat Penyebaran Ilmu	✓	✓	✓	✓	✓
Aktiviti Kemasyarkatan	X	✓	✓	✓	✓
Kemudahan Fasiliti	X	X	✓	✓	✓
Pusat Dana Dan Ekomi	X	X	X	✓	✓
Pusat Perlancongan	X	X	X	X	✓

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian di atas, pelaksanaan program dakwah di masjid di rangka bukan hanya mementingkan pembangunan ilmu agama dan kefahaman islam semata – mata, malah mengfokuskan keterampilan diri masyarakat islam. Program yang mengfokuskan golongan remaja dan belia juga tidak diambilmudah dan golongan ini menjadi sasaran utama pihak masjid. Usaha dakwah terutamanya terhadap golongan ini bertujuan membina hubungan harmoni antara pihak masjid dengan masyarakat agar mereka sedar bahawa tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin di masa hadapan terpikul di bahu mereka. Oleh itu pembangunan modal insan berteraskan ilmu dan pengetahuan islam penting dalama mempersiapkan diri mereka kearah itu.

Selain itu juga pegurusan masjid perlu menyedari dan menerima hakikat bahawa masjid dalam era globalisasi ini perlu mendepani cabaran ini. Pegurusan yang kekal berada di tahap lama pastinya akan menemui masalah dan menemui kegagalan untuk menarik minat generasi sekarang. Keprihatinan pihak-pihak tertentu khususnya yang melibatkan pengendalian masjid amat diperlukan bagi merealisasikan kejayaan ini dan menjadikan masjid sebagai pusat inovasi dalam semua bidang.

Kajian ini menunjukkan kesemua masjid yang dikaji menggunakan mekanisme yang menurut Syariah Islam yang mana menuju ke arah matlamat yang sebenar iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah. Semua umat Islam seharusnya bertanggungjawab dalam memelihara institusi masjid dan surau agar institusi sebegini tidak terbiar. Tuntasnya, kesemua program yang dijalankan ini menunjukkan institusi masjid dan surau menuju ke arah usaha yang jitu dalam mengembalikan masjid sebagai peranannya di zaman Rasulullah.

RUJUKAN

- Ahmad Zaki Haji Abd Latif. (2007). Masjid secara profesional. Putrajaya. Yayasan Islam Hadhari
- Al Ustaz Mohamad Fawzie Mohd. Nur. (1992). Mengingkari masjid. Kedah. Kalam Ilham
- Asmak Ali Cik Hashim Mat Said. 2008. Fungsi dan peranan masjid dalam masyarakat Hadhari : Peranan Masjid Dalam Masyarakat Hadhari :UTM xix
- Fidlizan Muhammad dan Mohd Yahya Mohd Hussin. 2009. Peranan Masjid Sebagai Institusi Sosio Ekonomi bagi Membantu Masyarakat Menghadapi Krisis Ekonomi. Majalah Cahaya, Jan-Feb 2009 : JAKIM
- Hasni Othman dan Abdullah Abdul Ghani. 2004. Pengurusan dan Pengimarahkan Masjid di Perak. Dalam Asmadi Naim dan Mohd Yusnadi Md Sabri (ed.), Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Masjid (pp.325336), Sintok: Pusat Islam, UUM.
- Lokman & Musa. 1996. *Pengantar Sains Pengurusan Masjid*. Melaka: Majlis Agama Islam Melaka dan Kolej Islam Melaka.
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Zamri Ghazali. 2009. *Institusi Masjid Sebagai Pemangkin Pembangunan Ummah*. Dalam Isu-isu Pengurusan Masjid. Kota Bharu : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Nilam Puri
- Mohamad Tajuddin Mohd Rashdi. (2010). Warisan seni bina Islam tradisional Malaysia Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd Ismail Mustari. (2013). Menginovasi masjid mensejahtera Ummah. Johor: Penerbit UTM Press
- Noraïen Mansor. (2016). Masjid Ulul Albab. Terangganu: Penerbit UMT
- Yahya, M., Hussin, M., Muhammad, F., Razak, A. A., Ali, M., & Ahmad, R. 2014. *Sains Humanika Persepsi Masyarakat Terhadap Keupayaan Pengembangan Dana Masjid*, 1, 13-21.